



16 SEP, 2024

Gudang, kontena barang seludup RM1.85 juta diserbu

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

Sindiket tukar taktik guna setem cukai palsu

Gudang, kontena barang seludup RM1.85 juta diserbu

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

ALOR SETAR – Sebuah gudang dan kontena yang menjadi tempat penyimpanan minuman keras dan rokok seludup di Selangor dan Pulau Pinang diserbu pihak berkuasa baru-baru ini.

Dalam serbuan itu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kedah merampas kedua-dua jenis barangan tersebut bernilai RM1.85 juta termasuk cukai. Turut dikesan adalah taktik penggunaan setem cukai palsu.

Pengarah Kastam Kedah, Nor Izah Abd. Latiff berkata, dalam serbuan pertama pada pukul 1.05 pagi, 29 Ogos lalu, pegawai Cawangan Penguatkuasaan Bukit Kayu Hitam memeriksa sebuah premis tidak bernombor tanpa penghuni di Selangor.

"Pintu premis itu tidak berkunci dan pemeriksaan di dalamnya menemukan sejumlah minuman keras dan rokok. Kesemua barangan itu disita dan dibawa ke Pejabat Penguatkuasaan Bukit Kayu Hitam untuk tindakan lanjut.

"Tiada tangkapan dibuat kerana tiada individu yang tampil ke lokasi," katanya dalam kenyataan semalam.

Sebanyak 7,000 liter minuman keras dan sejuta batang rokok



SEBUAH premis tidak bernombor yang menjadi tempat penyimpanan minuman keras dan rokok di Selangor diserbu pihak kastam pada 29 Ogos lalu.

bernilai RM353,284 disita melibatkan cukai RM1.05 juta. Semua barangan itu tidak mempunyai setem cukai.

Sindiket menjadikan premis tidak bernombor sebagai stor penyimpanan barang tidak berkasam dan tempat transit sebelum diedarkan ke pasaran tempatan.

Dalam operasi berasingan ke atas kontena di Bukit Mertajam pada 2 September pula, JKDM merampas 5,476 botol minuman keras disyaki menggunakan setem cukai palsu.

"Setem palsu itu mungkin melibatkan pencetakan atau penghasilan setem menggunakan

teknologi cetakan moden dan ditampal pada botol untuk memberi gambaran bahawa produk itu dibayar cukai," katanya.

Seorang lelaki asing berusia dalam lingkungan 40-an yang merupakan pekerja di premis tersebut ditahan, manakala pemiliknya masih dikesan.



16 SEP, 2024

Gudang, kontena barang seludup RM1.85 juta diserbu

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Sindiket tukar taktik guna setem cukai palsu

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS ALOR SETAR - Sebuah gudang dan kontena yang menjadi tempat penyimpanan minuman keras dan rokok seludup di Selangor dan Pulau Pinang diserbu pihak berkuasa baru-baru ini. Dalam serbuan itu, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kedah merampas kedua-dua jenis berangan tersebut bernilai RM1.85 juta termasuk cukai. Turut dikesan adalah taktik penggunaan setem cukai palsu.Pengarah Kastam Kedah, Nor Izah Abd.